



Ketua Setiausaha
(Secretary General)

Kementerian Pelajaran Malaysia
(Ministry of Education Malaysia)
Aras 8, Blok E8
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846069
Fax : 03-88885124
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj Kami: KP(HA)S.102.6(53)
Tarikh : 15 September 2010

Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Ketua Nazir Negeri

Semua Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PERATURAN MELAPORKAN MAKLUM BALAS PROGRAM HUBUNGAN ANTARABANGSA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, selaras dengan usaha untuk meningkatkan visibiliti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di persada antarabangsa di bawah agenda pengantarabangsaan pendidikan Malaysia, anggota KPM daripada jabatan/bahagian berpeluang menyertai pelbagai program hubungan antarabangsa di luar negara. Antara program hubungan antarabangsa yang dimaksudkan merangkumi **lawatan, program penandaarasan, persidangan, mesyuarat, latihan, seminar, bengkel, dan lain-lain aktiviti rasmi KPM.**

3. Pekeliling Perkhidmatan Bil.6/2005 (Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam) menetapkan kewajipan kepada semua peserta kursus untuk menyedia dan mengemukakan laporan kepada Ketua Jabatan masing-masing. Semenjak tahun 2009, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) telah dipertanggungjawabkan untuk menilai keberkesanan **semua** program hubungan antarabangsa berkaitan pendidikan. Ini termasuk program hubungan dua hala dan lain-lain aktiviti yang berlangsung di luar negeri.

4. Sehubungan itu, kerjasama Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan supaya **setiap** pegawai/ kakitangan di bawah tanggungjawab Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang menyertai **program antarabangsa** melengkapkan **borang penilaian** yang bersesuaian berpandukan **Garis Panduan Penilaian Program Antarabangsa (GPPPA)**. Borang penilaian dan GPPPA boleh didapati daripada laman web KPM yang beralamat di <http://www.moe.gov.my>. Borang yang telah dilengkapkan perlu dikemukakan melalui **e-mel** kepada usippha@moe.gov.my. Dengan ini, Borang Penilaian Program Antarabangsa A1, A2, A3 dan B yang digunakan sebelum ini adalah **dibatalkan**. Satu set Borang Penilaian dan GPPPA adalah dilampirkan untuk rujukan dan tindakan pihak Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan selanjutnya.

5. Bagi tujuan penyeragaman dan pemantauan pulangan faedah program hubungan antarabangsa secara berkesan, pelaporan maklum balas melalui borang-borang seperti di atas adalah **DIWAJIBKAN** dan **berkuat kuasa** untuk semua program hubungan antarabangsa yang berlangsung **mulai 1 September 2010**.

6. Kerjasama Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memastikan peraturan ini **dipatuhi sepenuhnya** oleh semua pegawai/ kakitangan di bawah seliaan Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Salam hormat,


(TAN SRI DR. ZULKURNAIN BIN HAJI AWANG)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Dasar)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Profesionalisme)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia